

15/10/1997

TUDM tingkat keupayaan MiG-29N

KUALA LUMPUR, Selasa - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) meningkatkan keupayaan semua pesawat pejuang MiG-29N miliknya bagi membolehkan pengawasan ruang udara negara yang lebih berkesan.

Penambahan keupayaan itu membabitkan pemasangan peralatan mengisi minyak di udara dan peningkatan taraf sistem radar semua 18 pesawat MiG itu, yang turut dikenali Fulcrum.

Panglima TUDM, Lt Jen Datuk Ahmad Saruji Che Ros, berkata kerja menaikkan taraf pesawat itu akan dilaksanakan di negara ini oleh sebuah syarikat yang diwujudkan khas untuk membaik pulih pesawat itu, Aerospace Technology Systems Corp Sdn Bhd (ATSC). Menurutnya, kerajaan dijangka menandatangani perjanjian dengan ATSC bagi menaikkan kemampuan MiG-29N itu, Khamis ini dengan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia sebenarnya memang dimasukkan dalam pakej pembelian asal pesawat terbabit, iaitu Russia menerusi ATSC akan menaikkan taraf MiG sedia ada mengikut keperluan TUDM.

"Program itu akan bermula sebaik saja ia ditandatangani, iaitu di kemudahan ATSC di Kuantan, Pahang," katanya ketika ditemui pemberita di majlis perasmian Pameran TechXchange di sini, hari ini.

Dr Mahathir sebenarnya dijadualkan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian terbabit selepas merasmikan pameran itu, tetapi terpaksa menangguhkannya kepada Khamis ini kerana tidak sihat.

Pembelian 18 pesawat pejuang MiG-29N berharga RM4 bilion itu adalah yang pertama di rantau ini, dan TUDM mula menerima pesawat berkenaan secara berperingkat mulai akhir tahun lalu.

Penubuhan ATSC yang sebelum ini dikenali Malaysia-Russia Aviation Services Sdn Bhd (MRAS), adalah berikutan perjanjian persefahaman di antara kerajaan dan badan pengeluaran ketenteraan Russia, Rosvoorouzhnie pada Jun 1994.

Ia bertujuan menyediakan kerja membaik pulih pesawat MiG-29N terbabit dan pesawat Russia lain di rantau Asia-Pasifik.

Ahmad Saruji berkata, ATSC tidak melaksanakan kerja peningkatan kemampuan itu pada awalnya kerana masih belum menamatkan kerja penyediaan kemudahan syarikat itu di Kuantan.

"Mereka menyuruh kami (TUDM) mengambil pesawat itu dulu dan kerja menaikkan taraf akan dibuat kemudian," katanya.

Selain Malaysia, negara lain yang turut menggunakan pesawat MiG ialah Vietnam, Laos dan Kemboja yang memiliki pesawat MiG-17, MiG-19, MiG-21 dan MiG-23; manakala India memiliki 60 MiG-29.

Mengenai pembelian peluru berpandu Advanced Medium Range Air to Air Missile (AMRAAM) milik Amerika Syarikat untuk kegunaan pesawat F/A-18D Hornet, beliau menegaskan ia belum diputuskan lagi.

"Buat permulaannya kita hanya mencuba untuk memperolehi perisian sesuai bagi membolehkan Hornet menerima penggunaan AMRAAM di masa depan," katanya sambil menambah perisian berkenaan akan dipasang tidak lama lagi.

AMRAAM adalah peluru berpandu udara ke udara yang terbaik di dunia ketika ini, dan memiliki tahap kejayaan seratus peratus dalam peperangan setakat ini.

(END)